

**adu@metro**

aduanhm@mediaprima.com.my

SETIAP SELASA

Kemukakan kemelut dan aduan anda ke [aduanhm@hmetro.com.my](mailto:aduanhm@hmetro.com.my).

Anda juga boleh menghubungi nombor di bawah dengan mengemukakan nama penuh, alamat dan nombor telefon.

Komen akan disiarkan setiap Selasa.

KL 03-20569777

SHAH ALAM 03-78452505

PUTRAJAYA 03-88811903



# Urus masalah banjir kilat

■ Petugas khas dibentuk jalan operasi menyelamat bersepadu bantu orang ramai

**?** Ibu kota kerap dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat dalam tempoh yang lama.

Banjir kilat itu sekali gus menyebabkan bandar raya ini lumpuh kerana terdapat beberapa kawasan di tenggelami air yang menghalang lalu lintas.

Saya sendiri pernah terperangkap beberapa jam disebabkan insiden berkenaan ketika pulang dari tempat kerja.

Berikutan itu, saya berharap pihak berkuasa tempatan dapat menguruskan masalah

banjir kilat di ibu kota.

**Siti Musa**  
Kuala Lumpur

**FAKTA**  
Pengguna terperangkap dalam kesesakan lalu lintas setiap kali hujan lebat

**!** Terima kasih atas aduan di kemukakan.

Untuk pengetahuan, satu pasukan petugas khas ditubuhkan bagi menjalankan operasi menyelamat bersepadu membantu

orang ramai menangani masalah banjir kilat yang berlaku di ibu negara.

Jawatankuasa ini membatik pelbagai pihak termasuk Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Landskap, Alam Flora Sdn Bhd, Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) dan agensi berkaitan.

Pasukan ini berfungsi apabila banjir berlaku dengan melakukan operasi secara bersepadu termasuk membuat tinjauan, menyelamat, melancarkan aliran air bertakung di longkang, membersihkan pokok tumbang serta mengawal lalu lintas.

**Datuk Mohd Amin Nordin Abdul Aziz**

Ketua Pengarah DBKL